

Vatikan soroti peranan wanita banteras kelaparan

VATIKAN: Marcela Villarreal, Pengarah Bahagian Kemampuan Makanan dan Pertanian PBB (FAO), memberitahu *Radio Vatikan* bahawa jika wanita di kawasan luar bandar mempunyai akses yang sama dan diberi peluang sama adil seperti kaum lelaki, mereka boleh menyumbang sumber produktif dalam bidang pertanian yang akan mencegah kelaparan dunia.

Marcela merupakan salah seorang penyampai sesi konferensi sehari di Roma yang didedikasikan untuk meninjau peranan penting wanita dalam pembangunan, bertempat di Universiti Kepausan Gregorian, Roma.

Konferensi itu memfokuskan potensi wanita untuk menjadi agen perubahan sejati, dan mengubah sistem makanan yang lebih baik pada masa ini.

Data PBB baru-baru ini memberitahu kita bahawa wanita yang bekerja di sektor pertanian mewakili lebih dari seperempat penduduk dunia. Di negara membangun, angka itu mencapai 43 peratus dari seluruh tenaga kerja pertanian.

Statistik ini turut diulangi oleh Sri Paus Fransiskus yang mahukan hak dan memperkasa wanita di desa-desa demi kebai-



Jika wanita diberikan akses, teknologi dan peluang yang sama dengan kaum lelaki dalam bidang pertanian, mereka dapat mengurangkan jumlah orang kelaparan di dunia. Gambar ilustrasi: Para wanita di Thailand sedang menanam padi.

kan bersama.

Prelatus itu pernah menekankan hal ini dalam pesannya sempena Hari Nadi Sedunia 2021, di mana beliau menyatakan wanita di pedalaman mengajar kita untuk berusaha, berkorban, hidup berdampingan dengan

sesama dan tidak bergantung pada orang lain.

Namun, meskipun wanita di desa sama produktif dan giat seperti pekerja lelaki, mereka menghadapi banyak kesukaran, termasuk hakikat bahawa pekerjaan mereka tidak diakui dan seringkali tidak dibayar.

Konferensi sehari ini bekerjasama dengan Misi Tetap Takhta Suci untuk Badan PBB bagi Makanan dan Pertanian pada Mei 21, bertujuan memperkasakan wanita dan peranan mereka dalam kelangsungan makanan yang boleh mencegah kelaparan dunia.

Marcela menjelaskan bahawa kajian FAO menunjukkan “jika wanita di kawasan luar bandar mempunyai akses kepada sumber produktif yang sama dalam pertanian yang sudah dimiliki lelaki, tidak kira betapa miskinnya kawasan luar bandar, akses yang sama kepada sumber produktif itu akan segera meningkatkan pengeluaran pertanian, produktiviti pertanian dan dengan serta merta, bilangan orang lapar di dunia akan berkurangan.

Menjelaskan apa yang dimaksudkan sebagai “sumber daya produktif dalam pertanian,” ia merujuk kepada tanah, teknologi dan semua keperluan yang diperlukan untuk produksi pertanian.”

“Kami telah melihat bahawa dengan serta-merta, sebaik sahaja negara-negara mempunyai dasar atau polisi yang baik untuk memastikan bahawa wanita mempunyai akses yang mereka perlukan kepada sumber yang produktif, dengan serta-merta kita dapat melihat peningkatan dalam kesejahteraan keluarga, pemakanan kanak-kanak, kesejahteraan seluruh masyarakat dan juga pengurangan kelaparan yang sangat ketara.” — *media Vatikan*

Semoga Injil bebas disebar di China

TAKHTA SUCI: Sri Paus Fransiskus berdoa agar umat Katolik di China bebas untuk mewartakan Injil dan mempraktikkan iman mereka tanpa sekatan.

Pada saat hubungan Vatikan-China tegang kerana pelanggaran jelas kesepakatan untuk melantik Uskup, namun Sri Paus Fransiskus secara terbuka merayakan Hari Doa Sedunia untuk Gereja Katolik di China pada Mei 24.

Mei 24 juga merupakan Pesta Maria Penolong Umat Kristian di Sheshan.

“Saya mengajak semua orang untuk memanjatkan doa kepada Tuhan agar Khabar Baik Kristus yang tersalib dan Bangkit dapat diwartakan secara penuh, indah dan bebas, membawa kebaikan bagi Gereja Katolik dan seluruh masyarakat di China,” kata Sri Paus

pada akhir audiensi umum minggunya di Vatikan.

Bapa Suci mengatakan beliau ingin “saudara dan saudari kita di China” mengetahui bahawa umat Katolik di seluruh dunia dekat dengan mereka, “sentiasa mahu berbahagi kegembiraan dan harapan dengan warga Kristian China dan juga dekat dengan semua orang yang menderita.

Sri Paus juga mendoakan klerus dan umat beriman menemukan penghiburan dan dorongan dalam persekutuan dan solidariti Gereja universal.

Tahun 2018, Vatikan dan kerajaan China menandatangani perjanjian yang menguraikan prosedur untuk memastikan uskup Katolik dipilih oleh komuniti Katolik di China

dan disetujui oleh Sri Paus sebelum pentahbisan dan pelantikan mereka.

Perjanjian tersebut diperbaharui tahun 2020 dan sekali lagi pada tahun 2022. Namun, pada April lalu pihak berkuasa China memindahkan Uskup Joseph Shen Bin dari Keuskupan Haimen ke Keuskupan Shanghai tanpa persetujuan Vatikan.

Pada November 2022, sebulan selepas pembaharuan perjanjian China-Vatikan, Vatikan mengeluarkan kenyataan kesalnya yang pada dasarnya menuduh kerajaan China melanggar perjanjian itu dengan melantik Uskup John Peng Weizhao dari Yujiang sebagai uskup auksilier Jiangxi, sebuah keuskupan tidak diakui oleh Takhta Suci. — *CNA*



Sri Paus Fransiskus bersama para penziarah dari China pada tahun 2019.

Empat jenis doa yang membuatkan kita selalu berdoa

Terdapat empat jenis doa Kristian yang berbeza: Terdapat doa *Incarnational*, doa Mistik, doa Afektif, dan doa Imam. Apa semua ini? Apakah perbezaan semua doa ini?

Doa Incarnational. Sto Paulus mengajak kita untuk “sentiasa berdoa.”

Bagaimana dapat selalu berdoa? Bagaimana ia boleh dilakukan? Kita tidak boleh selalu berdoa — atau bolehkah kita?

Apa yang diajak oleh Paulus untuk kita lakukan adalah apa yang Yesus mahu kita lakukan apabila Dia memberitahu kita untuk “membaca tanda-tanda zaman”.

Ketika Yesus mahu kita membaca tanda-tanda zaman, Dia tidak mencadangkan kita membaca setiap analisis politik, sosial, atau ekonomi yang kita temui.

Sebaliknya, Dia menjemput kita untuk mencari Tuhan dalam setiap peristiwa dalam kehidupan kita.

Generasi ibu bapa saya menjelaskan bahawa perkara ini adalah “penyelenggaraan ilahi” iaitu melihat setiap peristiwa dalam kehidupan kita dan peristiwa-peristiwa utama dunia — dengan dan bertanya kepada diri sendiri: “Apa yang ingin Tuhan katakan dalam peristiwa ini?”

Tetapi, untuk melakukan ini, kita harus berhati-hati. Kita harus mengelakkan diri dari menyalah-

kan Tuhan kerana terjadi kemalangan, penyakit, kelukaan, peperangan, kebuluran, gempa bumi, pemanasan global, atau pandemik; Tuhan juga tidak menyebabkan kemenangan loteri atau pasukan sukan kegemaran kita menang dalam kejohanan, tetapi Tuhan bercakap melalui peristiwa-peristiwa tersebut.

Kita berdoa secara tidak langsung apabila kita mendengar atau mengambil perhatian terhadap peristiwa itu.

Doa Mistik. Berdoa secara mistik bukanlah tentang pengalaman rohani yang luar biasa, juga tidak berkaitan dengan visi, sukacita dan kegembiraan.

Mistik bukan mengenai perkara-perkara ini. Pengalaman mistik ialah disentuh oleh Tuhan dengan cara yang lebih mendalam berbanding apa yang dapat kita fahami dan terima dalam akal dan imaginasi kita, mengetahui sesuatu yang di luar dugaan, minda dan hati kita.

Sebagai contoh, C.S. Lewis, dalam menerangkan pengalaman pertobatannya, beliau memberitahu bahawa pertama kali beliau berlutut dan mengakui Kristus, dia tidak melakukannya dengan penuh semangat.

Sebaliknya, dia melafazkan beberapa ungkapan (yang menjadi terkenal). Beliau berlutut sebagai “pemeluk agama baru yang paling enggan dalam sejarah Kristian.”



Apa yang memaksa beliau untuk berbuat demikian?

C.S. Lewis berkata: “Kekerasan Tuhan lebih baik daripada kelembutan manusia, dan paksaan Tuhan adalah pembebasan kita.”

Kita berdoa secara mistik setiap kali kita mendengar dan mematuhi suara yang paling menarik dari dalam diri kita, yang memberitahu kita di mana Tuhan dan tugas memanggil kita.

Doa Afektif. Semua doa devosi (adorasi Kristus, litani, rosari, doa permohonan melalui perantaraan Bonda Maria atau santo, dan sebagainya) adalah doa-doa afektif, begitu juga semua bentuk meditasi dan renungan.

Semua bentuk doa itu mempunyai intensi yang sama. Bagaimana?

Dalam Injil Yohanes, kata-kata pertama yang diungkapkan dari

mulut Yesus adalah soalan. Orang memandangnya dengan rasa kagum, ingin tahu, tetapi Dia bertanya, “Apa yang kamu cari?”

Persoalan itu kekal di seluruh injil sebagai asas. Banyak perkara yang berlaku di permukaan, tetapi di bawah permukaan itu ada soalan yang berulang kali bergema: “Apa yang anda cari?”

Yesus menjawab soalan itu dengan jelas pada akhir Injil iaitu pada pagi kebangkitan-Nya. Maria dari Magdala datang mencari-Nya, membawa rempah untuk merawat jenazah-Nya. Yesus bertemu dengannya, tetapi Maria tidak mengenali-Nya.

Yesus mengulangi soalan yang merupakan asas Injil: “Apa yang anda cari?” dan memberi kita jawapan sebenar.

Yesus menyebut namanya dengan lembut, “Maria”.

Dalam peristiwa ini, Yesus mengungkapkan apa yang selalu dicari oleh Maria dan kita semua iaitu suara Tuhan, secara bersemuka, mencari suara Tuhan yang penuh kasih, menyebut nama kita dengan lemah lembut dan penuh cinta.

Pada akhirnya, itulah yang kita semua cari, untuk mendengar Tuhan memanggil nama kita dengan cinta.

Inilah matlamat utama semua doa, devosi, sama ada untuk diri kita sendiri, untuk orang lain, atau untuk dunia.

Doa Imam. Doa Imam adalah doa Kristus melalui gereja untuk dunia. Iman Kristian ialah Kristus masih mengumpulkan kita bersama-sama di sekitar firman-Nya dan Ekaristi.

Dan kita percaya bahawa setiap kali kita bersatu, di gereja atau di tempat lain, untuk berkumpul di sekitar kitab suci atau untuk merayakan Ekaristi, kita memasuki doa itu.

Ini biasanya dipanggil doa liturgi; doa seperti ini adalah doa Kristus, bukan kita sendiri. Malah, ia bukan doa untuk diri kita sendiri atau untuk gereja, tetapi doa untuk satu dunia — “Daging-Ku adalah makanan untuk kehidupan dunia”.

Kami berdoa secara liturgi, doa imam, setiap kali kita berkumpul untuk merayakan kitab suci, Ekaristi, atau Sakramen.

Doa Imam juga doa yang diungkapkan oleh komuniti atau secara peribadi yang dipanggil Ibadat Harian (*Lauds* dan *Vespers*). Kita diminta untuk berdoa secara teratur untuk dunia dengan cara ini berdasarkan imam yang dianugerahkan kepada kita semasa kita dibaptis.

Empat doa ini adalah doa Kristian yang matang dan sihat secara rohani serta dapat membantu kita agar kita sentiasa berdoa dan berdoa bersama Kristus. — *Hakcipta Terpelihara 1999-2023 @ Fr Ron Rolheiser*

Bersandar pada semangat dan kekuasaan Tritunggal Mahakudus

Menurut kamus dewan, ‘misteri’ adalah suatu peristiwa atau fenomena yang tidak dapat diterangkan, menimbulkan rasa ingin tahu, suspens oleh sebab fakta-faktanya tersembunyi.

Iman kita pada hari ini menghadapi satu lagi misteri tentang kewujudan Tuhan sebagai Tritunggal Maha Kudus.

Ajaran Gereja kita mengajarkan bahawa terdapat tiga peribadi Maha Kudus: Tuhan Bapa, Putera dan Roh Kudus. Kalau demikian, apakah agama kita menyembah tiga Tuhan?

St Atanasius, seorang ahli teologi yang bijaksana sekitar abad keempat pernah berkata, “Keperibadian Tuhan Bapa itu berbeza dengan Putera dan Roh Kudus, namun Bapa, Putera dan Roh Kudus tetap satu, bukan tiga.” Dengan demikian 1+1+1=3 dalam ilmu matematik tidak sama dengan Tritunggal Maha Kudus yang adalah 1+1+1=1.

Mengapa kita harus percaya Tuhan sebagai Tritunggal Maha Kudus itu? Sebabnya, Yesus sendiri telah mengatakannya kepada manusia.

Dalam Injil Yohanes, Tuhan Yesus berkata, “Aku akan me-

minta kepada Bapa, dan Dia akan memberikan kepada mu seorang penolong yang lain iaitu Roh kebenaran...” (Yoh 14:16, 17).

Kemudian dalam memberikan mandat yang terakhir kepada para Rasul, Yesus berkata, “...pergilah, jadikanlah semua bangsa murid- Ku dan baptislah mereka dalam nama Bapa dan Anak dan Roh Kudus” (Mat 28:19). Melalui kata-kata Yesus ini menjadi jelas kepada kita bahawa Tritunggal Maha Kudus itu seakan-akan berada di dalam sebiji kapsul.

Lalu kalau begitu, bagaimanakah kiranya Tritunggal ini boleh disemaikan atau diamalkan dalam kehidupan kita sehari-hari sebagai pengikut Kristus yang setia?

Ramai ahli falsafah Kristian memberi nasihat bahawa kita tidak perlu menjalani kehidupan ini dengan berusaha membongkar rahsia Tritunggal tersebut sebab kita tidak akan pernah menemukannya.

Apa yang penting kita lakukan adalah menghidupi semangat Tritunggal Maha Kudus tersebut. Dengan kata lain menjadikan-Nya sebagai gaya hidup baik sebagai seorang peribadi, keluarga atau komuniti di mana

kita berada.

Apa yang menarik dalam misteri Tritunggal ini adalah terdapat keintiman yang sangat erat di antara Bapa, Putera dan Roh Kudus sehingga tidak diperlukan alat-alat canggih seperti telefon bimbit guna membantu mereka supaya dapat berkomunikasi. Dengan kata lain mereka begitu rapat dan tidak pernah berpisah, seperti kata pepatah bagaikan belangkas.

Kita semua telah dicipta menurut gambaran Tuhan. Oleh yang demikian maka patutlah kita mencerminkan pelbagai komuniti kita dalam imej dan kesamaan sifat Tritunggal tersebut.

Tidak kiralah sama ada komuniti kita itu dalam bentuk keluarga, komuniti Kristian dasar setempat, di pejabat-pejabat dan tempat kerja, kita perlu bersandar pada semangat Tritunggal Maha Kudus.

Namun apakah selama ini kita sudah menampakkan semangat Tritunggal ini dalam setiap komuniti?

Misalnya apabila kita menyedari bahawa keluarga kita adalah gambaran keluarga Tuhan, maka ianya dapat membantu para pasangan untuk mengatasi pelbagai

HARI RAYA TRITUNGAL MAHAKUDUS (A)

**KELUARAN 34:4-6, 8-9;
2 KORINTUS 13:11-13;
INJIL YOHANES 3:16-18**

masalah yang mengurangi keintiman mereka.

Pasangan suami isteri memang banyak masalah. Masalah anak, orang ketiga, ibu mertua, kewangan dan 1001 macam masalah. Namun ini semua boleh diatasi jika ada komunikasi yang intim, ada keterbukaan dan yang penting ada cinta kasih sebagai pengikat dan penawar segala masalah.

Sebagai suami isteri, kita walaupun dua peribadi tetapi tetap satu. Sebab “... apa yang disatukan oleh Tuhan, tidak boleh diceraikan manusia” (Mat 19:6). Malah yang menjadi misteri bagi orang lain, bagi kita, perkahwinan Kristiani itu melibatkan peribadi ketiga — Tritunggal Maha Kudus, sebagai tempat menimba kekuatan, rujukan dan penghiburan di kala susah mahupun senang.

Sesungguhnya kita tidak boleh

lari daripada pelbagai kesulitan hidup. Tetapi jika kita tetap mengamalkan semangat Tritunggal Maha Kudus, maka lambat laun kita akan mengalami dan melihat adanya semangat kasih, kepedulian, sokongan, pengampunan dan keadilan sosial terjadi di sekitar kita.

Sememangnya kita tidak akan pernah membina keluarga atau komuniti yang serba sempurna. Apa lagi menandingi keintiman peribadi Tritunggal itu, jauh sekali. Tapi melalui bantuan dan dorongan Roh Kudus, kita akan tetap berusaha.

Kita perlu sentiasa ingat kerana Tuhan tidak mengharapkan kita untuk menjadi sesempurna-sempurnanya.

Apa yang Dia inginkan adalah agar kita tetap bertumbuh dan setia terhadapnya secara berterusan. — *santapan rohani*

Kita adalah penerus misi Kristus di dunia

BELURAN, Sandakan: Selepas program 'turun padang' ke paroki St Dominic, Lahad Datu pada bulan Mac lalu, acara turun padang selanjutnya berlangsung di Gereja Our Lady Of Fatima, Beluran dan paroki Holy Trinity Tawau.

Program 'turun padang' ini bertujuan memberi penerangan tentang Konvensyen Pastoral Malaysia (MPC) yang akan berlangsung pada tahun 2026.

Sebuah tim yang dipanggil Tim Fokus Keuskupan Sandakan, yang terdiri daripada Fr David Garaman, Fr Stanley Matakim, Sr Martina James FSIC dan Pn Anna Teresa Peter Amandus, menjelajah seluruh paroki di Keuskupan Sandakan bagi menyebarkan maklumat mengenai MPC.

Di Paroki Beluran, program ini telah dihadiri seramai 31 pemimpin Gereja yang terdiri daripada ahli-ahli Majlis Pastoral Paroki, ketua-ketua KKD, Komiti Pelayanan serta umat setempat.

Manakala di Tawau, seramai 100 orang, yang terdiri daripada kalangan pemimpin dan umat setempat menghadiri acara yang diisi dengan pelbagai aktiviti misalnya



'Expectation Check', 'I am a Mission on this Earth' dan 'Spiritual Conversation'.

Dalam sesi 'Expectation Check', para peserta dibawa untuk berfikir terbuka untuk mengetahui fokus utama mereka secara peribadi.

Manakala dalam aktiviti 'Reality check', Sr Martina menjelaskan tentang sejarah gereja Katolik dan mengaitkannya dengan peranan setiap peribadi pemimpin yang

hadir.

Salah satu aktiviti yang juga menarik, iaitu 'Weather Check' memberi peluang kepada para peserta untuk melihat kebaikan dan cabaran realiti dunia masa kini.

Sesi 'Spiritual Conversation' diperkenalkan dalam program ini sebagai satu kaedah mendengar yang lebih bersifat sinodal di mana semangat kekitaan dapat diterapkan dalam diri setiap pemimpin.

Proses ini membuka kesempatan kepada para peserta untuk berkongsi secara terbuka tanpa dihakimi dan sentiasa mendengar suara Roh Kudus.

Peranan dan fungsi umat sebagai sebuah gereja tempatan ditekankan dalam sesi 'I am a Mission on this Earth'.

Program 'turun padang' ke Beluran dan Tawau ini menyaksikan para pemimpin Gereja berpartisipasi aktif menyertai semua sesi.

Semangat yang ditunjukkan dalam 'Spiritual Conversation' menampakkan mereka ingin membawa suatu perubahan dalam proses gereja sinodal. Bukti semangat mereka ditunjukkan melalui perkongsian kumpulan besar.

Program 'turun padang' bagi kedua-dua paroki tersebut, diakhiri dengan tarian komuniti diiringi dengan lagu 'Hineh Ma Tov' yang membawa maksud "Betapa baik dan menyenangkan apabila saudara-saudara diam bersama" Mazmur 133.1.

Selepas Beluran dan Tawau, program turun padang MPC 2026 telah dan akan dijalankan di Paitan, Telupid dan Sandakan.

Identiti Katolik dan asal usul jangan dilupakan walau di mana pun kita berada

PERMATANG TINGGI, Pulau Pinang: Pada hari Ahad, Mei 23, buat julung-julung kalinya komuniti Sabah dan Sarawak dari St. Joseph Juru telah mengadakan Misa Kudus sempena Pesta Kaamatan dan Hari Gawai, di Gereja Holy Name of Mary.

Misa ini telah dipimpin oleh Paderi Paroki iaitu Fr Louis Loi dalam Bahasa Malaysia.

Misa Kudus dan Pesta Kaamatan yang dirayakan pada Hari Minggu Paskah keenam itu telah menjadi pengalaman baru kepada semua umat yang menyertai per-

ayaan Ekaristi pada hari tersebut.

Dalam homili, Fr Louis Loi menekankan bahawa di mana pun kita berada, kita harus memelihara tradisi kita agar generasi batu tidak akan melupakannya.

Selain daripada itu, pelbagai acara telah kami adakan seperti tarian Sumazau, menyumpit dan cabutan bertuah. Komuniti Sabah dan Sarawak juga telah menyediakan pelbagai makanan tradisional dan moden.

Pesta Kaamatan diakhiri dengan doa penutup yang dipimpin oleh Fr Louis.



Fr Louis tidak ketinggalan mencuba salah satu aktiviti tradisional iaitu "menyumpit".

Tanya Jawab



Adakah anda mempunyai persoalan agama, Kitab Suci atau ajaran Gereja?

Hantarkan soalan anda ke:

HERALD
5, Jalan Robertson,
50150 Kuala Lumpur

Tel: 03-2026 8291

Email:
liza@herald.com.my

Kaitan Bonda Maria dan Tritunggal Mahakudus

Soalan: Setiap kali kita berdoa Rosario, kita selalu menyebut hubungan Bonda Maria dengan Tuhan Tritunggal Mahakudus, iaitu Salam Puteri Tuhan Bapa, Salam Bonda Tuhan Putera, dan Salam Mempelai Tuhan Roh Kudus. Setahu saya, Maria selalu dikaitkan dengan Yesus, tetapi jarang dengan Tuhan Tritunggal, kecuali dalam doa Rosario.

Bagaimana kita dapat memaknai hubungan erat antara Bonda Maria dengan Tuhan Tritunggal Mahakudus untuk hidup rohani kita sekarang? Mohon pencerahan. - Lily D

Pertama, memang benar Bonda Maria sering hanya dilihat dalam kaitan dengan Yesus, Puteranya. Tetapi, relasi Bonda Maria dengan Yesus (penjelmaan dari Tuhan Putera) juga mengandaikan relasi dengan Tuhan Bapa dan Tuhan Roh Kudus.

Ketiga-tiga salam pada awal doa Rosario mengingatkan kita pada relasi yang sangat intim antara Bonda Maria dan Tuhan Tritunggal Mahakudus. Kedekatan Bonda Maria dengan kedua-dua peribadi lain memang jarang diangkat, padahal hal ini termasuk dalam butir iman yang harus dipercayai dan sangat penting untuk pertumbuhan hidup rohani.

Kedua, Katekismus Gereja Katolik menunjukkan bahawa Bonda Maria berkait erat dengan Tuhan Tritunggal Mahakudus ketika kita berbicara tentang "hidup yang kekal" atau syurga.

Katekismus menyatakan "kehidupan yang

sempurna bersama Tritunggal Mahakudus ini, persekutuan kehidupan dan cinta bersama Tuhan, bersama Perawan Maria, bersama para malaikat dan orang kudus, dinamakan 'syurga'. "Syurga adalah tujuan terakhir dan pemenuhan kerinduan terdalam manusia, keadaan bahagia tertinggi dan definitif." (No 1025)

Bonda Maria sebagai manusia telah mencapai persekutuan dengan Tuhan Tritunggal ini di syurga kerana imannya yang gagah berani, harapannya yang tak tergoyahkan, dan kasihnya yang terus berkobar kepada Puteranya.

Bonda Maria secara total menghayati ziarah imannya dan dengan demikian mencapai apa yang dirindukan oleh setiap manusia, iaitu persekutuan hidup dan kasih dengan Tuhan Tritunggal Mahakudus.

Ketiga, erti penting relasi di atas terletak pada keteladanan yang diberikan oleh peribadi Bonda Maria dalam peziarahan iman menuju tujuan akhir kehidupan ini. Ini berlaku untuk setiap anggota umat manusia.

Keteladanan ini jelas jika kita mempertimbangkan, bahawa setiap manusia diciptakan menurut citra dan keserupaan dengan Tuhan. Melalui kehamilannya yang tanpa noda dosa, Maria adalah citra Tuhan yang sempurna. Melalui iman, harapan, dan kasihnya, Maria menyempurnakan keserupaannya dengan Tuhan.

Kerana keserupaan dengan Putera yang sedemikian itulah, maka Bonda Maria diangkat ke syurga. Melalui kata-kata dan hidupnya, Bonda Maria memberikan penghormatan yang sempurna kepada Tuhan. Hal ini nyata dalam Mag-

nificat Maria. Maria merendahkan diri di hadapan Tuhan dan bersyukur kepada Tuhan kerana Ia telah melakukan perbuatan-perbuatan besar baginya. Maria menguduskan nama-Nya.

Sikap Maria yang benar tergantung dan menyembah Tuhan menjadi teladan bagi setiap anggota umat manusia tentang bagaimana berjuang mencapai tujuan akhir hidup ini (KGK No 2097; bdk No 369 yang berbicara juga tentang manusia sebagai citra Tuhan). Bonda Maria adalah teladan untuk mencapai persekutuan hidup dan kasih dengan Tuhan Tritunggal Mahakudus. — **Father Dr Petrus Maria Handoko CM, hidupkatolik.com**

Soalan 2: Apa yang dimaksud dengan madah akathistos? — Willem

Jawaban: Ia adalah sebuah madah puji-pujian indah kepada Maria. Pengarang madah ini tidak dikenali.

Madah ini berisi ucapan syukur kepada Maria atas bantuannya sebagai Bonda Tuhan (Yun: Theotokos) kerana telah melindungi Kota Konstantinopel semasa pengepungan pada tahun 626. Pada saat itulah madah ini dinyanyikan oleh para penduduk kota tersebut.

Nama madah ini akathistos berasal dari aksi berdiri ketika menyanyikan madah ini. *A-kathistos* bererti tanpa duduk. Madah ini dinyanyikan pada Sabtu kelima dalam Masa Pra-Paskah. Para rahib menggunakan madah ini sebagai doa rasmi (*officium*) singkat untuk menghormati Bonda Tuhan. — **Fr Dr Petrus Maria Handoko CM, hidupkatolik**

Sahabat Kecil Yesus

Hello adik-adik,

Apa khabar? Pada hari ini kita merayakan Hari Raya Tritunggal Mahakudus. Tritunggal dari bahasa Latin *Trinitas*.

Adik-adik, mungkin adik-adik pernah mendengar ada rakan-rakan kita yang mengatakan orang Kristian menyembah tiga tuhan.

Ini sama sekali tidak benar. Tuhan yang kita imani itu adalah Satu dan Esa. Walaupun Dia mempunyai tiga peribadi yang berbeza iaitu Bapa, Putera dan Roh Kudus, Ia tetap Satu Tuhan.

Peribadi-peribadi Ilahi yang kita sapa sebagai Bapa, Putera dan Roh Kudus inilah yang selalu kita sebut ketika membuat tanda salib seba-

gai tanda kemenangan kita.

Adik-adik, dalam kita merayakan Hari Raya Tritunggal Mahakudus mari kita sama-sama mengingati bahawa kita menyembah Tuhan yang penuh dengan persekutuan kasih dan saling berbahagi.

Tuhan Tritunggal Mahakudus, Bapa, Putera dan Roh Kudus adalah satu komuniti, satu kesatuan.


Inilah dasar persekutuan bagi kita, umat yang percaya.

Selain itu, Tuhan Tritunggal Mahakudus adalah kasih yang sempurna. Tidak ada kasih lain yang sempurna seperti kasih Tuhan Tritunggal Mahakudus!


Salam sayang
Auntie Melly

HARI RAYA TRITUNGAL MAHAKUDUS JUN 4, 2023

Mari
Mewarna




EKASIHTUHANZGHOPKJD
DUNIAINIPUNTIADFWPOL
MENGARUNIAKANSZBERO
HIDUPKEKALLMENGUTUSJ
HMENYELAMATKANGDFU
KLMBCTIDAKBINASAPOER



Kerana begitu besar kasih Tuhan akan dunia ini, sehingga Dia telah mengaruniakan Anak-Nya yang tunggal, supaya setiap orang yang percaya kepada-Nya tidak binasa, melainkan beroleh hidup yang kekal (Yohanes 3:16)

Lengkapkan ayat pada gambar di bawah dan tulis doa "Kemuliaan" yang lengkap di kotak yang disediakan.



KEMULIAAN
KEPADA BAPA,
PUTERA DAN
ROH KUDUS

.....
.....
.....
.....

CARI 17
perbezaan
pada
gambar ini:



BELIA MILENIUM

Roh Kudus bantu belia mengasihi Tuhan

CHERAS: Kem Penguatan SFA 2023 merupakan detik penting dalam perjalanan iman saya dan akan dingati sampai bila-bila dalam hidup saya.

Dari sesi Pujian dan Penyembahan yang membangkitkan semangat sehinggalah testimoni fasilitator pada hari itu yang begitu menyentuh hati, retreat rohani ini membawa saya lebih dekat kepada Tuhan.

Ia membolehkan saya merenung dan menguatkan iman saya, menyampaikan pelbagai pengajaran yang membuka minda saya.

Sesi-sesi katekesis juga memberi inspirasi, merangsang pemikiran, dan sangat berkesan.

Kebanyakan sesi telah memperbaharui pemahaman saya tentang menjadi Katolik sejati dan mencabar saya untuk berfikir dengan lebih mendalam tentang iman saya.

Oleh itu, kebijaksanaan dan pandangan fasilitator sangat berharga bagi saya dan saya menghargai bimbingan mereka.

Salah satu acara kemuncak di kem ini ialah sesi penyembuhan



Para peserta Kem Penguatan SFA 2023 dalam salah satu sesi.

batin di mana saya mengalami curahan Roh Kudus apabila salah seorang fasilitator berdoa untuk saya.

Walaupun sebelum ini saya pernah menghadiri Seminar Hidup Baru dan Pembaharuan Karismatik Katolik (CCR), dan sesi Perhimpunan Penyembuhan pada masa lalu, saya tidak pernah mengalami kehadiran Roh Kudus yang begitu kuat.

Roh Kudus mengalir ke dalam diri saya, memberikan saya rasa damai yang mendalam,

menyebabkan saya menggigil tanpa kawalan, dan menangis.

Kehadiran Roh Kudus yang sangat kuat ini mengingatkan saya bahawa kemuliaan Tuhan tidak terbatas dan membuatkan saya kagum akan keagungan-Nya.

Secara keseluruhannya, Kem Penguatan ini adalah pengalaman transformatif bagi saya dan saya sentiasa bersyukur kerana dapat mengalami pertemuan peribadi dengan Kristus.

— **Oleh Caitlyn Lee**

PENTINGNYA MELUANGKAN WAKTU DENGAN TUHAN

SARATOK: “Awake” yang bermaksud “Bangun”, “Berjaga” atau “Bangkit” merupakan program rohani khas untuk memantapkan iman kaum muda.

Ia dinamakan “Awake” kerana program ini mengajak para belia untuk berjaga selama beberapa jam bersama Yesus.

Ia dianjurkan oleh Ministri Belia St Ignatius dan program Awake dijalankan di Gereja Kato-

lik St Ignatius yang bermula pada jam 10.00 malam dan berakhir pada jam 6.00 pagi.

Dimulakan dengan Misa Kudus yang dipimpin oleh Fr Jerome Juleng, disusuli beberapa aktiviti rohani yang diadakan hingga subuh seperti doa Taizé, meditasi, doa Rosari Tujuh Kesedihan Bonda Maria, doa Rosari, doa Kerahiman Ilahi dan doa Angelus. — **sumber Today's Catholic**



Pesan Sri Paus kepada kaum muda: Jangan kuat “membawang”

VATIKAN: “Jangan suka ‘membawang’, jangan suka bercerita buruk tentang orang lain, tekunlah berdoa rosari,” demikian antara pesan Sri Paus Fransiskus kepada hampir 1,000 kaum muda yang baru menerima Sakramen Krisma dan bakal menerima Sakramen Krisma tidak lama lagi.

Sangti Papa menyapa dengan mesra para belia dari Keuskupan Agung Genoa, Itali yang berhimpun di hadapan kediaman rasmi Sri Paus dengan membawa sepanduk dan banting.

Meskipun pertemuan itu sing-

kat sahaja namun Bapa Suci tidak menghampakan para belia untuk bergambar bersama dan beliau juga memakai topi merah seperti yang dipakai oleh para belia tersebut.

Bapa Suci Fransiskus mengharapkan mereka gembira sepanjang kunjungan mereka di Roma dan pada masa yang sama, prelatus itu mengingatkan mereka agar teguh dalam doa agar dapat melawan kuasa-kuasa kejahatan.

Pertemuan singkat itu diakhiri dengan doa “Salam Maria” yang dilafazkan beramai-ramai. — **media Vatikan**



Jangan suka bercerita keburukan orang lain dan selalulah berdoa kepada Bonda Maria kata Sri Paus Fransiskus kepada para Krismawan dan calon Krismawan dari Keuskupan Agung Genoa.

Firman Tuhan memberi penegasan iman dan memelihara jiwa

KEMBOJA: Umat Katolik di Kemboja perlu mempelajari Kitab Suci (Alkitab) untuk menjadi rasul Yesus Kristus yang baik dan mereka juga harus mengutamakan pendidikan untuk menyumbang pada pembangunan masyarakat, kata Uskup Agung Peter Bryan Wells, Duta Besar Vatikan untuk Thailand dan Kemboja dan delegasi Vatikan untuk Laos, dalam kunjungan pertamanya ke negara itu.

“Pergilah dan bentuklah kumpulan-kumpulan kerasulan,” kata Uskup Agung Wells dalam khutbahnya semasa memimpin Misa Kudus di Gereja St Joseph, di Phnom Penh pada Mei 21.

Akhbar *Catholic Cambodia* melaporkan prelatus itu mengingatkan anggota Gereja Katolik Kemboja bahawa mereka dipanggil untuk menjadi murid yang baik dengan menanamkan tiga kebajikan – rasa hormat, ketulusan, dan



Katolik di Kemboja diseru belajar kitab suci kerana firman Tuhan dapat memberi makanan dan memelihara jiwa.

kepercayaan.

Uskup agung itu mengatakan orang Kristian harus belajar Kitab Suci untuk memupuk iman mereka kepada Tuhan.

Bagi orang Kristian, penting untuk mempelajari Kitab Suci, mengetahui isi Firman Tuhan, dan menyebarkannya kepada orang

lain, kerana Firman dapat “memberi makan dan memelihara jiwa.” Beliau juga menggesa umat Katolik lokal bahawa sangat penting mendapatkan pendidikan untuk menjadi warga yang baik.

“Oleh itu, yang perlu kita lakukan adalah pendidikan untuk terhubung dengan Yesus, menjadi

rasul Yesus, menjalin hubungan yang tulus untuk membimbing dan membiarkan orang lain menjadi rasul dalam cara hidup kita,” tambahnya.

Uskup Agung Wells mengatakan orang Kristian dipanggil untuk menginjili, tetapi tidak memaksa orang lain untuk memeluk

agama Kristian, katanya.

“Sebagai umat Kristian, khususnya orang tua, kita harus mendorong generasi muda untuk pergi ke gereja dan harus terus berkongsi karunia iman,” tambahnya.

Uskup Agung Wells memiliki jadual padat untuk perjalanan pertamanya ke negara Asia Tenggara itu pada Mei 21-25 sejak dilantik sebagai Duta Besar Vatikan yang baru.

Sri Paus Fransiskus melantik Uskup Agung Wells berusia 60 tahun itu sebagai Duta Besar Vatikan untuk Thailand dan Kemboja dan merupakan delegasi apostolik untuk Laos pada Feb 8.

Setelah tiba di Phnom Penh pada Mei 21, Uskup Agung Wells mempersembahkan Misa di Gereja St Joseph.

Beliau bertemu dengan pegawai kerajaan pada Mei 22 untuk mempersembahkan watakah pelantikannya. — ucanews.com

Paus akan kunjungi Fátima semasa WYD

TAKHTA SUCI: Sri Paus Fransiskus akan mengunjungi Tempat Suci Fátima semasa kunjungannya ke Portugal untuk menghadiri perayaan Hari Kaum Muda Sedunia 2023 (WYD), kata Vatikan.

Dalam sebuah pernyataan pada Mei 22, Matteo Bruni, direktor Jabatan Akhbar Vatikan, menegaskan Sri Paus akan melakukan perjalanan ke Lisbon pada Ogos 2-6 serta akan mengunjungi Shrine Maria dari Fatima pada Ogos 5.

Sri Paus Fransiskus berulang kali mengatakan dia berada di Lisbon untuk perayaan Hari Orang Muda Sedunia, namun ia tidak berbicara secara terbuka untuk mengunjungi Fátima.

Pada Oktober 2022, Bapa Suci secara terbuka mengatakan beliau akan menghadiri Hari Orang Muda Sedunia sebagai seorang penziarah.

Kunjungan Bapa Suci ke Shrine Maria di Fátima dikatakan untuk berdoa bagi mengakhiri perang di

Ukraine.

Pada Mac 2022, setelah sebulan Rusia melancarkan pencerobohan besar-besaran ke Ukraine, Sri Paus mempersembahkan Ukraine dan Rusia kepada Hati Bonda Maria yang tak bernoda, berdoa di depan patung Bonda Maria Fátima di Basilika Santo Petrus.

Sebelum kematiannya, Sr Lúcia dos Santos, salah seorang daripada tiga kanak-kanak yang melihat penampakan Bonda Maria di Fatima, Portugal pada tahun 1917, bonda Maria meminta agar Rusia dipersembahkan kepada hatinya yang tak bernoda oleh seorang Sri Paus, untuk membawa perdamaian ke dunia.

Para Bapa Suci sebelumnya telah mendoakan Rusia kepada Hati Bonda Maria yang tak bernoda dalam pelbagai bentuk tetapi tidak pernah menyebut nama negara itu seperti yang dilakukan Sri Paus Fransiskus tahun 2022. Pada tahun 2017, Sri Paus Fransiskus mengkanonisasi Francisco Marto dan Jacinta Marto, kanak-kanak yang melihat penampakan Bonda Maria di Fátima. — media Vatikan



Paus Fransiskus berdoa di Shrine Maria di Fatima, Portugal pada tahun 2017. Gambar: Media Vatikan.

Gereja cari bantuan untuk Myanmar yang dilanda taufan Mocha

YANGON: Gereja di Myanmar yang dilanda perang saudara sedang mengetuk pintu organisasi atau pertubuhan-pertubuhan antarabangsa untuk menyumbangkan bahan bantuan ke negara Asia Tenggara yang dilanda Taufan Mocha.

“Kami telah meminta bantuan, termasuk *Caritas Internationalis*, untuk mengirimkan bantuan ke tempat-tempat yang terkena bencana seperti di wilayah Rakhine, Chin dan Mandalay,” kata Fr Nereus Tun Min, direktor Caritas Pyay.

Fr Min menjelaskan pihak Caritas Pyay telah menghantar bantuan untuk wilayah Rakhine yang paling terkesan dan daerah Paletwa yang terletak di wilayah Chin, sebuah daerah yang mempunyai ramai penduduk Kristian juga merupakan tempat perlindungan semasa junta menyerang atau mencari para pembantah yang menentang kerajaan.

Keuskupan Pyay juga giat mencari sumber daya untuk memperbaiki gereja yang rosak.

PBB telah meminta 333 juta dolar AS untuk membantu 1.6 juta korban di Myanmar, kebanyakan

mereka telah kehilangan rumah.

Badai ini telah menghancurkan daerah pesisir, menyebabkan ratusan ribu orang yang sudah dalam kesusahan, berumah tanpa bumbung ketika musim hujan datang,” kata Ramanathan Balakrishnan, koordinator kemanusiaan PBB untuk Myanmar, kepada wartawan di Geneva, pada Mei 23.

“Kami sekarang berusaha menyediakan tempat berlindung yang selamat bagi para mangsa dan cuba mencegah penyebaran penyakit melalui air,” kata Balakrishnan. — ucanews.com

Bergabung dengan orang muda demi kebaikan planet ini

Meskipun orang tua suka mengeluh tentang “orang muda hari ini,” mereka harus mengakui bahawa generasi muda memimpin dalam menentang “sistem ekonomi yang tidak adil bagi orang miskin dan memperjuangkan kelestarian alam ciptaan,” tulis Sri Paus Fransiskus.

“Mereka tidak hanya meminta kita; mereka melakukannya,” kata Bapa Suci yang merujuk kepada gerakan beliau yang memilih mengkonsumsi sedikit, membeli produk “diproduksi mengikuti aturan ketat sebagai penghormatan lingkungan hidup dan sosial” dan mengurangkan jejak karbon melalui pengangkutan yang mereka gunakan.

Sri Paus Fransiskus menulis tentang hubungan di antara sistem ekonomi global yang mendominasi dan perubahan iklim dalam kata pengantar buku “*The Taste for Change: Ecological Transition as the Path to Happiness*,” karangan Fr Gaël Giraud, SJ, seorang ahli ekonomi dan Carlo



Buku ‘Il gusto di cambiare’. (Foto: Vatican News)

Petrini, pengasas *International Slow Food Movement*.

Sri Paus Fransiskus juga meminta orang yang lebih tua “untuk berubah dalam gaya hidup demi kesejahteraan bersama dan kebaikan alam dan mengingatkan mereka agar tidak bersikap acuh tak acuh ketika melihat orang dalam kesusahan dan ketika bumi dicemarkan oleh orang-orang tidak bertanggungjawab.” — media Vatikan



Mangsa taufan Mocha sedang mendapatkan air di pusat distribusi di Sittoung pada Mei 17, selepas taufan Mocha melanda. Ribuan para penduduk desa menunggu sedang bantuan. Gambar: ucanews.com

REGINA COELI BERSAMA SRI PAUS FRANSISKUS

Lakukan sesuatu ...elak dari terbiasa dengan konflik dan kekerasan

KOTA VATICAN. Semasa memimpin *Regina Coeli*, pada Mei 21, Sri Paus Fransiskus menyeru kepada masyarakat antarabangsa agar mempromosikan dialog di Sudan, dan terus menyokong rakyat Ukraine yang "terseksa".

Sri Paus Fransiskus mengeluarkan "seruan sepenuh hati" kepada paksi-paksi yang bertikai di Sudan untuk meletakkan senjata serta menyeru kepada komuniti antarabangsa "untuk memastikan dialog dapat terjadi dan penderitaan rakyat di Sudan dan Ukraine, dapat dikurangi."

Bapa Suci mengetahui adakah kesempatan tetapi menurutnya, situasi di Sudan dan Ukraine masih parah.

"Tolong, jangan sampai kita terbiasa mendengar berita-berita konflik dan kekerasan. Jangan sampai kita terbiasa dengan peperangan!" Sri Paus memohon.

Seperti yang sudah menjadi kebiasaan, Sri Paus juga mengulangi permohonannya untuk terus menyokong rakyat Ukraine yang "terseksa".

Hari Komunikasi Sedunia ke-57

Pada hari Minggu itu juga, Gereja Katolik sedunia menyambut Hari Komunikasi Sedunia, yang diperingati setiap tahun pada hari Minggu sebelum Pentakosta.

"Hatilah yang menggerakkan kita untuk membuka dan menyambut komunikasi,"



Penduduk Sudan melarikan diri ke selatan Mesir akibat konflik mematikan di wilayah asal mereka. Gambar: Media Vatikan.

kata Sri Paus, sambil mengacu pada tema tahun ini, "Berbicara dengan hati."

Bapa Suci mengambil kesempatan itu kepada para pekerja komunikasi yang hebat di lapangan, berterima kasih kepada mereka atas pekerjaan mereka dan mengungkapkan harapan agar selalu melayani kebenaran dan kebaikan bersama.

"Itu adalah hati yang menggerakkan kita untuk membuka dan menyambut komunikasi"

Minggu Laudato Si'

Sri Paus Fransiskus juga mengatakan sesuatu tentang minggu *Laudato Si'*, berterima kasih kepada mereka yang diberi

tugas bagi mempersiapkan acara dan kegiatan sempena minggu *Laudato Si'*.

"Saya mengundang semua orang untuk bekerja sama untuk merawat rumah kita bersama. Ada begitu banyak keperluan untuk menyatukan keahlian dan kreativiti."

Pada saat yang sama, Sangti Papa mengenang bencana alam baru-baru ini yang berkaitan rapat dengan perubahan iklim, termasuk banjir baru-baru ini di wilayah Emilia Romagna, Itali dan beberapa tempat di Asia.

Bapa Suci kemudiannya mengagih-agihkan risalah *Laudato Si'* kepada para penziarah yang datang. — *media Vatikan*

SANTAPAN IMAN

Menghadapi Keadaan yang Tak Dapat Diubah

Saya mempunyai seorang sahabat. Pada suatu hari, sahabat saya itu menghadapi masalah yang berat. Dia tidak mampu menyelesaikannya sendiri dan sangat tertekan.

Dia berusaha mengubah keadaan tersebut dengan meminta bantuan dari pelbagai pihak tetapi tidak mendapatkan apa yang dia inginkan.

Dia meminta bantuan dari saya dan teman-teman lainnya, tapi tidak ada satupun yang dapat menolongnya.

Oleh kerana apa yang diinginkannya tidak terjadi, dia akhirnya membuat kesimpulan: "Saya harus menjaga diri saya sendiri. Kalau bukan saya sendiri, siapa yang akan melindungi diri saya."

Pendek kata, sahabat saya itu telah kehilangan kepercayaan terhadap orang lain kerana semua orang mengecewakannya.

Dalam kehidupan ini, kita sering menghadapi situasi yang tak mungkin kita dapat ubah.

Pelbagai macam usaha sudah kita lakukan, tetapi keadaan itu tetap sama. Segala perjuangan untuk mengubah keadaan tersebut nampak sia-sia malah luka kita semakin parah.

Jalan satu-satunya dalam menghadapi keadaan yang tak dapat kita ubah adalah mempercayakannya hidup kita kepada Tuhan dan menerima hakikat bahawa semua yang kita inginkan, tidak semuanya akan tercapai.

Mempercayakan hidup kita kepada Tuhan bermakna meyakini bahawa rencana

Tuhan bagi kita adalah jauh lebih baik daripada rencana kita.

Kita mungkin saat ini belum melihat rencana Tuhan itu terjadi, tetapi rencana Tuhan tersebut pada waktu-Nya pasti akan menjadi kenyataan.

Ramai dari antara kita pasti telah mengalami bahawa apa yang Tuhan berikan kepada kita jauh lebih baik daripada apa yang kita inginkan dan harapkan.

Ketika kita mengikuti kehendak Tuhan dan bukan keinginan kita sendiri, kita akan mendapatkan kedamaian batin di dalam setiap keadaan.

Yesus adalah contoh yang sempurna dalam menghadapi keadaan yang tak dapat kita ubah. Sikap Yesus tersebut terjadi ketika Dia berdoa di Taman Getsemani menjelang kematian-Nya.

Dia bergelut apakah Dia akan mengikuti

keinginan-Nya sendiri, yaitu mengubah keadaan yang berat itu, atau mengikuti kehendak Bapa-Nya.

Dia mengatasi dan menang atas pergumulan itu dengan mengikuti kehendak Bapa: "Ya Bapa-Ku, jikalau Engkau mahu, ambillah cawan ini dari pada-Ku; tetapi bukanlah kehendak-Ku, melainkan kehendak-Mulah yang terjadi" (Luk 22:42).

Menyerahkan keadaan kita kepada Tuhan bererti kita mempercayakan seluruh situasi kita pada kebaikan dan kemahakusaan-Nya. Semakin kita mengizinkan Tuhan mengatur kehidupan kita, kita semakin dapat menikmati kedamaian batin.

"Besarnya kekuasaannya, dan damai sejahtera tidak akan berkesudahan" (Yesaya 9:6). — *Fr Felix Supranto, SS.CC, hidupkatolik.com*



PENULIS BERKICAU

Jangan tutup media Keuskupan

Terdapat banyak ancaman yang dihadapi oleh Gereja, salah satunya ialah menghidupkan media Katolik Keuskupan. Pada masa ini, khususnya di Barat, kebanyakan media sekular menutup syen keagamaan. Ini menjadikan suara Gereja semakin terabai. Manakala media sekular yang masih mengekalkan berita-berita Gereja pula, laporannya seperti "melepaskan batuk di tangga."

Namun ancaman terbesar sekarang ini, mungkin kurangnya sokongan institusi agama terhadap berita Katolik.

Tetapi ancaman terbesar mungkin kekurangan kepercayaan institusi terhadap nilai media berita Katolik dan keberanian untuk menyokongnya di peringkat tempatan.

Sesungguhnya kewartawanan Katolik yang menjalankan tugasnya dengan baik akan membantu mengembangkan hubungan kepercayaan antara keuskupan dan umat, antara gereja dan umat, memberikan maklumat yang diperlukan untuk menangkis yang buruk dan meraikan kebaikan lebih-lebih lagi, sejak dua dekad ini, Gereja sering diserang oleh pelbagai tohmahan dan berita tidak baik di kalangan klerus.

Ada nasihat terbaik untuk para wartawan Katolik oleh Sri Paus Fransiskus. Katanya, "Profesion wartawan Katolik adalah kerjaya yang mulia kerana ia menyampaikan kebenaran."

Pada tahun 2021, Bapa Suci memberitahu kepada para wartawan di Vatikan bahawa agar sesebuah akhbar organisasi itu kekal aktif, "adalah perlu untuk memastikan setiap orang mempunyai kebebasan yang cukup untuk bekerja, mempunyai kepercayaan untuk mengambil risiko dan mempunyai kebolehan serta dibenarkan untuk terus berjuang ...jika tidak...organisasi media itu akan LUMPUH."

Untuk menjadikan komunikasi Gereja berkesan, orang yang bertanggungjawab untuk komunikasi itu mesti diberikan kepercayaan dan kerjasama dengan para pemimpin Gereja. Jika hanya berita yang baik sahaja yang disampaikan, tulang belakang media Katolik tempatan akan rapuh.

Sebuah akhbar keuskupan, yang pernah menjadi kebanggaan Gereja Katolik Amerika Syarikat, telah ditutup.

Akibatnya, isu-isu seperti perdebatan jantina, imigresen, senjata api, atau keseluruhan isu hak untuk hidup, semakin senyap. Begitu juga dengan maklumat mengenai sinode hinggalah kepada kebangkitan Ekaristi, ia tidak dapat dimaklumkan.

Kewartawanan Katolik berada dalam krisis, tetapi krisis sentiasa membuka peluang. Ada beberapa keuskupan menutup akhbar berita mereka tetapi yang bijak, melabur dalam usaha multimedia mereka.

Tabik hormat kepada keuskupan yang mempertahankan media mereka meskipun sumber, kewangan dan kakitangan berkurangan. Mereka berusaha untuk menjadi suara dan telinga Gereja tempatan, membantu menjadikan kita semua lebih bermaklumat dan terbentuk dengan lebih baik. — *Greg Erlandson*

● *Greg Erlandson ialah penerbit, editor dan wartawan Katolik yang memenangi anugerah. Kolumnya diterbitkan setiap bulan di OSV News*

KENYATAAN MISI HERALD

HERALD adalah Minggu Katolik Gereja Malaysia. Ia berusaha untuk menyampaikan berita-berita terkini, nilai-nilai Kristian dan berusaha untuk berdialog dengan semua sektor masyarakat untuk membina komuniti beriman kepada Tuhan yang harmoni. Kami menyokong pembentukan Gereja dan menggalakkan umat awam dan religius untuk membuat keputusan moral di arena luar Gereja.



KENINGAU: Pada Mei 6, 2023 yang lalu, Hari *Study* liturgi peringkat paroki KSFX telah diadakan di Dataran Katedral St Francis Xavier.

Program yang dihadiri oleh ahli komite *liturgi* dari setiap zon dan juga pusat ini telah menghimpunkan lebih 500 peserta.

Ia dimulakan dengan Misa Kudus yang dipimpin oleh Uskup Cornelius Piong dan dibantu oleh Msgr. Gilbert Lasius.

Uskup dalam homilinya berkata, untuk sebuah pelayanan yang efektif

kita haruslah mempunyai sikap ingin selalu mengenal dan melakukan kehendak Tuhan.

Prelatus itu juga berkongsi tentang nilai kerendahan hati, dan menyatakan bahawa mengenal Tuhan adalah proses seumur hidup dan memerlukan kerendahan hati.

Uskup turut berkongsi pengalamannya kepada semua umat.

Katanya, "Pada awalnya, setelah beberapa lama melayani sebagai paderi, saya berfikir sudah memahaminya semuanya. Tetapi, ternyata

saya masih perlu banyak belajar dan perjalanan mengenal Tuhan selama ini membuatkan saya yakin, Tuhan benar-benar hadir khususnya semasa perayaan Ekaristi.

Uskup sekali lagi, mengingatkan para pelayan liturgi untuk selalu menjaga relasi dan kesatuan dengan Yesus melalui doa dan merenung Sabda-Nya setiap hari.

Selain itu, raikan kebersamaan dalam komuniti sepelayanan, "Tuhan mengutus kita bukan seorang sahaja tetapi secara bersama, oleh itu jan-

gan "sendiri-sendiri" kerana liturgi menumbuhkan kekuatan, sokongan doa dan nasihat dari sesama".

Sentiasalah ingat untuk melayani dan melakukan kehendak Yesus, bukan kehendak diri sendiri, dengan ini kita dapat melayani dengan kuasa Roh Kudus serta dipenuhi dengan cinta dan sukacita, kata Uskup Cornelius pada akhir homilinya.

Sesi pertama yang dikendalikan oleh Msgr. Gilbert Lasius menengahkan topik tentang liturgi suci dalam Misa Kudus. Beliau me-

nerangkan bahawa liturgi terbahagi kepada dua bahagian iaitu, liturgi Sabda dan liturgi Ekaristi.

Katanya, kedua-dua bahagian itu saling berkait rapat sehingga membentuk satu kesatuan ibadat iaitu Misa Kudus.

Pada sesi kedua, Msgr Gilbert Lasius menjelaskan kepentingan Ekaristi dalam hidup seseorang pelayan Katolik dan menyimpulkan bahawa, Ekaristi adalah sumber dan puncak spiritualiti Kristiani. — *Melissa Floy*

Menjadi ahli komunikasi perkara kebaikan

KOTA KINABALU: Meraikan tema "Berbicara dari hati menurut kebenaran dalam kasih" (Ef. 4:5) sempena Hari Komunikasi Sosial Sedunia (WCD) ke-57, para ahli Komite Komunikasi Sosial (KOMSOS) dari hampir kesemua paroki di Keuskupan Agung Kota Kinabalu berkumpul dalam Misa Kudus pada Mei 21 lalu di Katedral Hati Kudus Kota Kinabalu.

Misa kudus yang dirayakan pada jam 11.00 pagi itu dipimpin oleh Uskup Agung John Wong dan turut dibantu oleh Msgr Nicholas Stephen, Penasihat Rohani Komisi Komunikasi Sosial Keuskupan Agung (*Social Communication Commission* —



Para ahli Komite Komunikasi Sosial (KOMSOS) dari seluruh Keuskupan Agung KK merayakan Hari Komunikasi Sedunia ke-57 pada Mei 21, 2023 di Katedral Hati Kudus.

SOCOM) yang baru dilantik, Fr Thomas Madanan, mantan Penasihat Rohani SOCCOM dan Paderi Paroki Katedral Hati Kudus, Fr Paul Lo.

Tiga minggu sebelum itu, pada Mei 1, para ahli KOMSOS telah

berkumpul terlebih dahulu dalam satu rekoleksi bagi memahami dan mendalami mesej yang terkandung dalam Pesanan Bapa Suci Paus Fransiskus.

Memetik semula dan sambil memberikan penekanan inti uta-

ma dari pesan WCD Sri Paus, beliau menyatakan dalam ucapannya bahawa dengan berbicara dari hati, ia memperlihatkan keikhlasan yang seterusnya membuka peluang untuk dialog.

Prelatus itu menekankan baha-

wa sebagai ahli KOMSOS, ianya bukan sekadar tentang kemahiran dalam mengendalikan gajet-gajet komunikasi tetapi setiap ahli perlu menjadi 'ahli komunikasi bagi perkara kebaikan'. Menjadi ahli komunikasi bagi perkara kebaikan hanya dapat dimulai jika seseorang itu belajar mendengar dan mempunyai hati yang 'melihat', tambah beliau.

Selain dari meraikan majlis suamerta dikalangan ahli-ahli KOMSOS bersama dengan Uskup Agung dan juga dengan ahli SOCCOM, terdapat juga pameran aktiviti-aktiviti oleh KOMSOS paroki, jualan baju dan persembahan pentas. — *Catholic Sabah*

Memperkenalkan *Laudato Si'* di desa terpencil

MIRI: Fr Joseph Ding, Ketua Komisi Keadilan Ciptaan (CJC) Keuskupan Miri telah mengadakan Bengkel Keadilan Penciptaan *Laudato Si'* di sebuah perkampungan rumah panjang, Long Jegan di paroki Lapok, pada penghujung bulan lalu.

Beliau diiringi ahli-ahli CJC Miri. Kedatangan mereka sangat dialu-alukan oleh penduduk kampung.

Perjalanan ke kampung terpencil Long Jegan mengambil masa tiga jam perjalanan dari bandar Miri. Jalan raya ke kampung ini tidak berturap dan hanya boleh dilalui kereta pacuan empat roda.

Kampung ini juga tidak mempunyai bekalan elektrik mahupun air.

Penduduk kampung menggunakan sumber sendiri seperti menggunakan generator dan solar untuk elektrik dan air hujan sebagai beka-



Fr Joseph menerangkan dokumen Sri Paus Fransiskus tentang *Laudato Si'* kepada penduduk kampung. Gambar: *Today's Catholic*

lan air.

Lebih 80 orang peserta menyertai bengkel ini yang terdiri daripada pelajar sekolah hingga ke warga emas.

Ia dijalankan dalam Bahasa Malaysia di gereja kampung mereka dari petang Jumaat hingga pagi Ahad.

Pesan Sri Paus Fransiskus melau-

lui *Laudato Si'* diterima baik oleh masyarakat kampung.

Selepas bengkel itu, sekumpulan sukarelawan telah mendaftarkan nama mereka untuk membentuk Pelayanan Keadilan Ciptaan di kampung mereka bagi melaksanakan Rangka Tindakan Pelan Tindakan yang diputuskan dalam bengkel tersebut. — *Today's Catholic*

AMEIA ajak umat pelbagai denominasi lakukan kebaikan

PETALING JAYA: Pelayanan Ekumenisme dan Hal Ehwat Antara Agama (AMEIA) Keuskupan Agung menganjurkan sebuah acara ekumenikal di Gereja St Francis Xavier pada Mei 6 lalu.

Perhimpunan itu terdiri daripada pemimpin Gereja Kristian dan anggota kumpulan teras Pelayanan Ekumenikal dan Antara Agama (PMEIA) Paroki dari pelbagai gereja Katolik di KL.

Tema Perpaduan Kristian di seluruh dunia, "Lakukan Kebaikan:

Dapatkan Keadilan" (Mikha 6:8) digunakan untuk acara tersebut.

Program ini dibahagikan kepada dua sesi iaitu sesi liturgi ekumenikal dan forum berdasarkan tema.

Para penceramah di forum itu, yang dimudahcarakan oleh Pastor Sean Prasad terdiri daripada Uskup Agung Julian Leow (Gereja Katolik), Uskup Steven Lawrence (Katedral Zion), Rev Dr Vijendran Daniel (Gereja Anglikan), dan Rev K.S. Mathew (Gereja Syria Mar Thoma).

